

Selain itu, Bernama TV akan cuba menawarkan penerbitan program televisyen dalam pelbagai bahasa termasuk Bahasa Melayu untuk saluran-saluran televisyen tempatan agar kepakaran sedia ada dapat terus dimanfaatkan. Ini bermakna kepakaran para wartawan dan editor dalam penguasaan Bahasa Melayu masih diperlukan oleh Bernama kecuali mereka yang tidak mempunyai kegigihan dan fleksibiliti untuk berkhidmat dalam alam cabaran baru.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [ PASIR MAS – PAS ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN (NO.10)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap semasa Program Pengenalpastian Bakat (TID) dan berapakah jumlah pelaburan dalam menambah baik program tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bermula dari tahun 2007 sehingga 31 Ogos 2014, Kementerian Belia dan Sukan melalui Institut Sukan Negara telah menguji seramai **256,728** orang peserta di seluruh negara melalui Program Saringan Bakat dan program sukan spesifik serta melalui program yang baru diperkenalkan pada suku akhir tahun 2013 iaitu Program *Talent Spot* dengan kerjasama dari pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Unit Sukan Prestasi Tinggi Negeri (USPTN), Majlis Sukan Negeri dan Persatuan Sukan. Di samping itu juga, pihak TID turut melaksanakan pengujian terhadap atlet Elit atau Pelapis di beberapa buah negeri. Daripada jumlah ini seramai **26,758** orang peserta yang berpotensi telah dipilih.
  
2. Pihak Kementerian setakat ini telah melabur sebanyak **RM10,000,000.00** untuk penambahbaikan sistem pangkalan data bagi memudahkan pelaksanaan program-program Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat. Di samping itu, sebanyak **RM 21,273,500.00** diperlukan bagi pelaksanaan program ini secara menyeluruh untuk melibatkan kesemua sekolah rendah di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.